

**SULIT**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN MOHAMED HANIPA BIN  
MAIDIN  
[SEPANG – AMANAH]**

**TARIKH : 3 OGOS 2017 (KHAMIS)**

**SOALAN NO.72**

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan :-

- a) Adakah insentif kewangan yang diberikan oleh Kerajaan kepada para ahli sukan yang berjaya mengharumkan nama negara hanya terhad diberikan kepada para ahli sukan yang berjaya memenangi pingat di kejohanan-kejohanan rasmi yang elit dan berprestij sahaja seperti Sukan Olimpik atau Paralimpik sahaja; dan
- b) Adakah Kerajaan juga memberi insentif kewangan kepada dua pelajar sekolah daripada Sepang iaitu adik Nor Fahaty Hanum bin Mazli dan adik Muhammad Firhad Hakimi bin Mazli yang berjaya memenangi pingat gangsa di kejohanan The 15th Japan W.A.T.A, Open International Taekwondo Championship Osaka, Japan.

**SULIT**

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) melalui Majlis Sukan Negara (MSN) telah mewujudkan insentif seperti **Skim Hadiah Kemenangan Sukan (SHAKAM)** sejak tahun 1986 bagi memberi dorongan dan pengiktirafan kepada atlet, jurulatih dan Persatuan Sukan Kebangsaan (PSK) untuk terus meningkatkan prestasi serta menyumbang pingat di peringkat antarabangsa khususnya di temasya **Sukan Olimpik, Sukan Asia, Sukan Komanwel** dan **Sukan SEA** serta kejohanan-kejohanan individu di peringkat dunia dan komanwel atau asia yang diiktiraf oleh Badan Sukan Antarabangsa. Selain daripada itu **Skim Hadiah Kemenangan Atlet Remaja (SHAKAR)** juga telah diperkenalkan sejak tahun 1988 dalam memberi perangsang kepada atlet-atlet remaja untuk terus cemerlang di peringkat antarabangsa.
2. Bagi kejohanan-kejohanan individu di peringkat dunia, Komanwel dan Asia, **Persatuan Sukan Kebangsaan** perlu membuat permohonan kepada MSN untuk menyenaraikan kejohanan tersebut dalam pemberian insentif SHAKAM dengan menjelaskan kriteria dan justifikasi kejohanan termasuk kejohanan tersebut mestilah mendapat pengiktirafan badan sukan antarabangsa.
3. Kejohanan Japan W.A.T.A (World Action Taekwondo Association) Open International Taekwondo Championship Osaka, Japan tidak

**SULIT**

disenaraikan sebagai kejohanan di bawah SHAKAM dan juga SHAKAR oleh Persatuan Taekwondo Malaysia (TM) serta kejohanan ini bukan anjuran atau di bawah pengiktirafan Persekutuan Taekwondo Dunia (WTF).

Sekian, terima kasih.